

**KPEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]
TARIKH : 7 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan bilakah akan dilakukan pelaksanaan terhadap pindaan Akta Pengangkutan Jalan yang telah diluluskan beberapa tahun lalu yang akan memasang alat timbang berat yang sofistikated di Lebuhraya Pasir Gudang untuk mencegah kerosakan lebuhraya dari angkara lori-lori lebih muatan yang menjadi punca utama kerosakan di lebuhraya itu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pengangkutan memandang serius isu lori-lori lebih muatan yang bukan sahaja merosakkan lebuhraya tetapi juga membahayakan keselamatan pengguna jalan raya.
2. Kementerian Pengangkutan kini dalam proses memperkenalkan sistem penguatkuasaan secara automasi ke atas kenderaan berat lebih muatan melalui sistem penimbang semasa bergerak elektronik atau High Speed Weigh in Motion (HS-WiM). Antara kawasan yang sedang dipertimbangkan untuk penguatkuasaan secara automasi ini termasuk Jalan Pelabuhan Pasir Gudang.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Rang Undang-Undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2023 telah diluluskan yang mana antara pindaan yang terlibat adalah meminda dan memasukkan seksyen 63A di dalam Akta Pengangkutan Jalan [Akta 333] bagi mewujudkan punca kuasa perundangan bagi penguatkuasaan melalui sistem HS-WiM.
4. Susulan daripada itu, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah melaksanakan proses perolehan bagi sistem HS-WiM secara tender terbuka melalui Request for Proposal (RFP).
5. Setakat 17 Februari 2024, penilaian tender peringkat awal telah dilaksanakan kepada semua petender yang telah mengemukakan cadangan dan petender yang telah disenarai pendek telah dipelawa ke proses Penilaian Teknikal secara *Proof of Concept (POC)* yang dijangka akan berakhir pada bulan April 2024. Petender yang melepasi penilaian POC akan dibawa untuk pertimbangan seterusnya bagi tujuan lantikan.
6. Projek ini dijangka akan dilaksanakan dalam tempoh 24 bulan dan dijangka akan siap sepenuhnya pada penghujung tahun 2026. Selepas dilaksanakan, mana-mana kenderaan berat yang melebihi muatan boleh dikesan secara automatik dan tindakan diambil serta merta.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 5